



## **PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 3/2021**

### **PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI NEGERI KELANTAN BERMULA 16 JANUARI HINGGA 26 JANUARI 2021**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negeri Kelantan bermula 16 Januari hingga 26 Januari 2021. Pekeliling ini adalah selaras dengan pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan pada 15 Januari 2021.
2. Pengoperasian UMK sepanjang tempoh PKP adalah secara penggiliran kerja dan bekerja dari rumah (WFH). Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu menyusun jadual penggiliran kerja bagi semua staf di bawah seliaan masing-masing dengan ketetapan keberadaan staf di pejabat adalah pada kadar maksimum 30% pada satu-satu masa. Walau bagaimanapun, staf yang dikategorikan di bawah perkhidmatan kritikal perlu hadir bertugas seperti biasa mengikut jadual dan arahan yang dikeluarkan oleh Ketua PTj masing-masing. Bagi pelaksanaan WFH, warga UMK boleh merujuk kepada Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (Kemaskini 12 Januari 2021) yang boleh didapati melalui Portal eCommunity (*Files Library >> Skim/ Garis Panduan*).
3. Pelaksanaan majlis keraian, mesyuarat, seminar, kursus dan persidangan secara bersemuka adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP.
4. Semua warga UMK dikehendaki mematuhi arahan dan prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Universiti dan Kerajaan serta sentiasa mengamalkan norma baharu. Warga UMK juga perlu sentiasa mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa berkaitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Universiti.

5. Pengurusan UMK juga menyeru semua agar mendoakan keselamatan, perlindungan dan kesihatan warga UMK dalam menghadapi wabak COVID-19 ini.
6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 16 Januari 2021.
7. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Pentadbiran ini, Pekeliling Pentadbiran Bil. 2/2021 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

***“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”***

***“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”***

Saya yang menjalankan amanah,



**RAJA AZLAN BIN RAJA ISMAIL**  
Timbalan Pendaftar Kanan  
b.p Pendaftar

16 JANUARI 2021

- s.k      - Naib Canselor  
          - Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
          - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
          - Fail Edaran